



19 MAY, 2022

## KPFB, SIAB meterai MoU

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

• Bagi projek perumahan di Selayang bernilai RM389 juta

# KPFB, SIAB meterai MoU

**KUALA LUMPUR:** Koperasi Peserta-peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Siab Development Sdn Bhd bagi cadangan pembangunan tanah di Sungai Tua, Selayang, Selangor dengan jumlah anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM389 juta.

Pengerusi KPFB, Datuk Sabari Misran (*gambar*) ber-

kata projek perumahan KPFB PR1MA dan KPFB Residen-si itu melibatkan tanah milik KPFB berkeluasan 7.9 hektar.

"Kakitangan FELCRA Bhd dan golongan B40 akan diberi keutamaan untuk membeli rumah tersebut. Projek ini disokong oleh FELCRA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

"FELCRA dan SKM sentiasa menggalakkan koperasi melabur dalam bidang hartanah ke-

rana ia terbukti menguntungkan dan menjanjikan pulangan yang lumayan," katanya pada majlis menandatangani MoU dan sambutan Hari Raya, di sini semalam.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Siab Holdings Bhd, Meryl Lim dan Pengerusi KPFB Datuk Sabari Misran yang disaksikan Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

Sabari berkata beberapa

koperasi yang mempunyai ahli yang ramai turut dilantik sebagai ejen mereka iaitu Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad (KOPENAS), Koperasi Kakitangan FELCRA Malaysia Berhad (KKF) dan Koperasi Hartanah Anggana Berhad (KOHAB).

Projek perumahan itu mengambil masa selama tiga tahun dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

KPFB dijangka memperoleh



keuntungan sebanyak 13 peratus GDV iaitu bersamaan dengan RM50 juta menerusi pemeteraian MoU tersebut.  
 - Bernama